



PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN DAN
MOTIVASI TERHADAP PENCAPAIAN
PENULISAN KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID BUKAN
PENUTUR NATIF



WAN NUR IFFAT FARAIN BINTI
WAN MOHAMAD AZMI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI TERHADAP
PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN BAHASA
MELAYU MURID BUKAN PENUTUR NATIF

WAN NUR IFFAT FARAIN BINTI WAN MOHAMAD AZMI



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024





Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09/01/2024

i. Perakuan Pelajar:

Saya, WAN NUR IFFAT FARAIN BINTI WAN MOHAMAD AZMI, M20211000323 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID BUKAN PENUTUR NATIF adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya DR. NORFAIZAH ABDUL JOBAR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID BUKAN PENUTUR NATIF dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU.

09.01.2024

Tarikh

DR. NORFAIZAH ABDUL JOBAR
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tel: 019-375 4572

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH GAYA PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI TERHADAP
PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU MURID
BUKAN PENUTUR NATIF

No. Matrik /Matric's No.: M20211000323

Saya / I: WAN NUR IFFAT FARAIN BINTI WAN MOHAMAD AZMI

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi. *The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*


☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

Tarikh/Date: 09.01.2024


DR. NORFAZAH ABDUL JOBAR
Penyarah Kanan
Pembelajaran
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak
(Tandatangan Penyerah Kanan/Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi Nama & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapatlah saya menyiapkan disertasi ini dengan jayanya. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi membantu menyiapkan disertasi ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia disertasi saya Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar yang banyak memberi nasihat dan bimbingan serta tunjuk ajar dalam membantu saya menyiapkan penulisan disertasi ini. Bukan itu sahaja, beliau sentiasa memberi sokongan apabila kadang kala diri ini menemui kebuntuan untuk menyiapkan disertasi ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya untuk merealisasikan cita-cita saya untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana. Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan sekolah-sekolah yang terlibat serta para guru yang telah memberikan kerjasama yang baik bagi membolehkan kajian ini dijalankan dan disiapkan mengikut perancangan. Penghargaan teristimewa juga dititipkan kepada ayah dan ibu tercinta, Wan Mohamad Azmi dan Che Rohana di atas segala doa, dorongan dan sokongan yang diberikan selama ini. Juga ucapan terima kasih kepada adik-beradik yang dikasihi, para pensayarah, serta rakan-rakan yang banyak membantu dalam mengharungi liku-liku sepanjang proses pengajian ini. Akhir kata, terima kasih semua, hanya Allah sahaja yang mampu membalas budi baik kalian. Semoga hasil penulisan saya ini dapat menyumbang dalam bidang penyelidikan dan pendidikan dan segala urusan kita dipermudahkan untuk memberi manfaat kepada orang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap gaya pembelajaran dan tahap motivasi dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu; menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid dan menganalisis pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi murid terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Seramai 320 orang murid tingkatan 1 dijadikan sebagai sampel dari 10 buah sekolah menengah *Mubaligh* di Kuala Lumpur melalui kaedah pensampelan rawak mudah. Reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa murid bukan penutur natif mempunyai tahap gaya pembelajaran yang sederhana bagi visual, auditori, dan kinestetik terhadap pencapaian penulisan bahasa Melayu. Manakala bagi tahap motivasi dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pada tahap tinggi. Tambahan lagi, terdapat hubungan signifikan antara gaya pembelajaran (visual, auditori, dan kinestetik) dan motivasi (intrinsik dan ekstrinsik) dengan nilai ($p = < 0.01$) terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Seterusnya, motivasi adalah peramal yang paling tinggi bagi pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan nilai ($\beta = .187$), berbanding gaya pembelajaran dengan nilai ($\beta = .101$). Kedua-dua pemboleh ubah tersebut mempunyai pengaruh sebanyak 7.5%. Kesimpulannya, gaya pembelajaran dan motivasi murid telah mempengaruhi secara sederhana terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan inspirasi kepada semua pihak bagi memastikan pendidikan yang berkualiti dapat dihasilkan sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.



INFLUENCE OF LEARNING STYLE AND MOTIVATION ON THE ACHIEVEMENT OF MALAY ESSAY WRITING FOR STUDENTS AS NON-NATIVE SPEAKERS

ABSTRACT

This study intended to determine the influence of their learning styles, levels of motivation on their ability to write Malay language essays. It also examined the relationship between these two variables and the effects they had on student's ability to write essays in the Malay language. The samples of 320 Form 1 students from 10 missionary secondary schools in Kuala Lumpur were selected using simple random selection sampling technique. The study's quantitative methodology relies on the questionnaire as its primary data collection tool. Descriptive and inferential analyses of the data were performed. According to the results, the students as non-native speakers had a moderate level of learning styles for visual, auditory, and kinesthetics to attain Malay language writing. Meanwhile, for the level of motivation, the findings indicate that both intrinsic and extrinsic motivation levels are high. In addition, there is a significant positive relationship between learning style (visual, auditory, and kinesthetics) and motivation (intrinsic and extrinsic) with a value ($p = < 0.01$) towards the achievement of Malay essay writing. Following that, motivation had a value of ($\beta = .187$), which was higher than the value of ($\beta = .101$) for learning style as a predictor of Malay essay writing success among students that are non-natives speakers. Both variables have an influence of 7.5%. In conclusion, the achievement of students who are non-native speaker in Malay essays writing is moderately influenced by their learning style and motivation. This study is anticipated to serve as a guide and an inspiration to all parties to ensure that high-quality education can be created in line with the goals of the Ministry of Education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	13
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Gaya Pembelajaran	17



1.8.2	Motivasi	18
1.8.2.1	Motivasi Intrinsik	19
1.8.2.2	Motivasi Ekstrinsik	19
1.8.3	Kemahiran Menulis	20
1.8.4	Penulisan Karangan	21
1.8.5	Murid Bukan Penutur Natif	22
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Kepentingan Kajian	24
1.11	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	28
2.2	Teori Behaviorisme	29
2.3	Gaya Pembelajaran	32
2.3.1	Definisi Gaya Pembelajaran	34
2.3.2	Model Gaya Pembelajaran Fleming VAK	36
2.3.2.1	Gaya Pembelajaran Visual	37
2.3.2.2	Gaya Pembelajaran Auditori	39
2.3.2.3	Gaya Pembelajaran Kinestetik	40
2.3.3	Aplikasi Model Gaya Pembelajaran Fleming VAK	42
2.4	Motivasi Pembelajaran	45
2.4.1	Definisi Motivasi	47
2.4.2	Model Motivasi Ryan dan Deci	49
2.4.2.1	Motivasi Intrinsik	51
2.4.2.2	Motivasi Ekstrinsik	52
2.4.3	Aplikasi Model Motivasi dalam Pembelajaran	53

2.5	Tinjauan Kajian Lepas	55
2.5.1	Kajian Tentang Gaya Pembelajaran Murid	56
2.5.2	Kajian Tentang Gaya Pembelajaran terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid	61
2.5.3	Kajian Tentang Motivasi Pembelajaran Murid	67
2.5.4	Kajian Tentang Motivasi Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid	70
2.6	Fokus Kajian: Pengaruh Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Natif	75
2.7	Rumusan	77

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	81
3.4	Instrumen Kajian	85
3.4.1	Bahagian A	86
3.4.2	Bahagian B	87
3.4.3	Bahagian C	88
3.4.4	Skala Pengukuran	89
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	89
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.6.1	Kajian Rintis	92
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	94
3.8	Prosedur Penganalisan Data	97
3.8.1	Analisis Statistik Deskriptif	98
3.8.2	Analisis Statistik Inferensi	99

3.8.2.1	Analisis Korelasi Pearson	100
3.8.2.2	Analisis Regresi Pelbagai (Multiple Regression)	101
3.9	Rumusan	102

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	103
4.2	Analisis Demografi Responden	104
4.3	Analisis Gaya Pembelajaran dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	106
4.3.1	Gaya Pembelajaran Visual	107
4.3.2	Gaya Pembelajaran Auditori	110
4.3.3	Gaya Pembelajaran Kinestetik	112
4.3.4	Analisis Keseluruhan Pemboleh Ubah Gaya Pembelajaran	115
4.4	Analisis Motivasi dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	116
4.4.1	Motivasi Intrinsik	117
4.4.2	Motivasi Ekstrinsik	122
4.4.3	Analisis Keseluruhan Pemboleh Ubah Motivasi	128
4.5	Analisis Hubungan Gaya Pembelajaran dan Motivasi dengan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Natif	129
4.6	Analisis Pengaruh Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Bukan Penutur Natif	134
4.7	Rumusan	137



BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	139
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	139
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	141
5.3.1	Perbincangan Analisis Tahap Gaya Pembelajaran Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	141
5.3.2	Perbincangan Analisis Tahap Motivasi Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	143
5.3.3	Perbincangan Analisis Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Motivasi Murid dengan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	145
5.3.4	Pengaruh Gaya Pembelajaran dan Motivasi Murid Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	148
5.4	Implikasi Kajian	149
5.4.1	Implikasi terhadap Pengetahuan	150
5.4.1.1	Implikasi Pengetahuan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	150
5.4.1.2	Implikasi Pengetahuan kepada Guru Bahasa Melayu	151
5.4.1.3	Implikasi Pengetahuan kepada Murid Bukan Penutur Natif	152
5.4.2	Implikasi terhadap Teori	153
5.4.2.1	Implikasi terhadap Teori Behaviorisme	153
5.4.3	Implikasi terhadap Praktikal	154
5.4.3.1	Implikasi terhadap Pengajaran Guru	154
5.4.3.2	Implikasi terhadap Sokongan Murid	155
5.5	Kebaharuan Kajian: Impak Gaya Pembelajaran dan Motivasi terhadap Penulisan Bahasa Melayu	157



5.6	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	158
5.7	Penutup	160
RUJUKAN		161

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Populasi Kajian	82
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel	83
3.3	Pembahagian Item Kajian	86
3.4	Jadual Markah dan Peringkat Pencapaian	87
3.5	Item Gaya Pembelajaran	87
3.6	Item Motivasi	88
3.7	Skala Pengukuran	89
3.8	Interpretasi Skor Alfa Cronbach	92
3.9	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Kajian Rintis	94
3.10	Rumusan Prosedur Penganalisan Data	97
3.11	Interpretasi Skor Min	99
3.12	Kekuatan Hubungan Mengikut nilai Pekali Korelasi	101
4.1	Analisis Jantina Responden	104
4.2	Analisis Bangsa Responden	105
4.3	Analisis Markah Bahagian B Kertas 2 (Penulisan Karangan)	106
4.4	Analisis Item Gaya Pembelajaran Visual	109
4.5	Analisis Item Gaya Pembelajaran Auditori	111
4.6	Analisis Item Gaya Pembelajaran Kinestetik	114
4.7	Analisis Keseluruhan Pemboleh Ubah Gaya Pembelajaran	116
4.8	Analisis Motivasi Intrinsik	120
4.9	Analisis Motivasi Ekstrinsik	125
4.10	Analisis Keseluruhan Pemboleh Ubah Motivasi	129
4.11	Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Pekali Kolerasi	129

4.12	Pekali Korelasi Gaya Pembelajaran Visual Dan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Bukan Penutur Natif	130
4.13	Pekali Korelasi Gaya Pembelajaran Auditori dan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Bukan Penutur Natif	131
4.14	Pekali Korelasi Gaya Pembelajaran Kinestetik dan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Bukan Penutur Natif	132
4.15	Pekali Korelasi Motivasi Intrinsik Dan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Bukan Penutur Natif	133
4.16	Pekali Korelasi Motivasi Ekstrinsik Dan Pencapaian Penulisan Karangan Murid Bukan Penutur Natif	133
4.17	Model Ringkasan Regresi Pelbagai Secara Keseluruhan Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	135
4.18	Analisis ANOVA Pemboleh Ubah Peramal Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	136
4.19	Analisis Regresi Antara Pemboleh ubah Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu	137

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian Dibina dan diadaptasi daripada Model Gaya Pembelajaran Fleming VAK (1992) dan Model Motivasi Ryan & Deci (2009)	16
2.1	Permasalahan Kajian Lalu dan Cetusan Idea Kajian	77
3.1	Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data	96

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
EPRD	<i>Educational Planning and Policy Research Division</i>
JPWPKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PLSQ	<i>Perceptual Learning Style Preference Questionnaire</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SWPI	<i>Students Work Preference Inventory</i>
VAK	Visual, Auditori dan Kinestetik

SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Borang Kesahan Pakar
- C Surat Kebenaran daripada ERAS
- D Surat Kebenaran daripada JP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- E Gambar Aktiviti Yang Dijalankan Di Sekolah Kajian
- F Analisis Normaliti Data

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid memberi cabaran kepada para guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam penulisan karangan yang melibatkan kecekapan dalam kemahiran bahasa Melayu murid. Menguasai bahasa kedua menerusi konteks pembelajaran dapat dicapai dengan melatih kanak-kanak seawal mungkin untuk mengenali dan menggunakan bahasa rasmi Malaysia, iaitu bahasa Melayu (Nora'Azian Nahar & Fadzilah Abd Rahman, 2018). Murid bukan penutur natif juga turut berhadapan dengan masalah kerana mereka perlu menyesuaikan diri supaya dapat berkomunikasi dengan lancar dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan yang diterapkan di semua peringkat sekolah di Malaysia. Dalam konteks ini, bahasa Melayu menjadi medium pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah, kecuali di sekolah vernakular seperti Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)



(Nurhijrah Zakaria et al., 2019). Berdasarkan kepada Akta Pendidikan 1996, bahasa rasmi Malaysia, iaitu bahasa Melayu, wajib digunakan sebagai medium bahasa di institusi pendidikan, kecuali untuk sekolah vernakular yang ditubuhkan di bawah Seksyen 28 atau institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri Pendidikan (Irma Wani Othman et al., 2021). Meskipun demikian, pada peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), bahasa ibunda dapat digunakan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran, namun subjek bahasa Melayu tetap menjadi mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan Malaysia.

Dalam laporan tahunan 2017 mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan telah dilakukan melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Sivaneswary Sivaratanam (2019) menyatakan bahawa kepentingan bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa utama oleh semua golongan terutamanya bagi murid-murid di sekolah sejak 1970-an. Bukan itu sahaja, penguasaan bahasa Melayu juga telah melahirkan kefahaman yang jitu kepada masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Ini disebabkan oleh dasar-dasar yang bertujuan untuk mengekalkan perpaduan negara dan menguatkan kepelbagaian kaum melalui sistem pendidikan (Habibah Artini Ramlie & Mohd Sohaimi Esa, 2022).

Faktor kemajuan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada bidang pendidikan bagi sesebuah negara. Hal ini kerana pendidikan dapat menaik taraf ilmu pengetahuan seseorang dengan melalui proses pembelajaran yang perlu dipelajari





dalam bidang tertentu (Mohammad Rusdi Ab Majid, 2017). Gaya pembelajaran seseorang bergantung kepada bentuk dan cara menguasainya. Walau bagaimanapun, bagi mengecapi tahap pendidikan yang sempurna, setiap individu yang belajar perlu fokus kepada kaedah atau gaya pembelajaran sewajarnya serta dorongan motivasi dan semangat yang kuat untuk terus belajar (Nor Aroma Abu Bakar et al., 2021).

Setiap murid perlu memiliki gaya pembelajaran yang tersendiri kerana gaya pembelajaran merupakan salah satu elemen penting bagi seseorang murid untuk berjaya dalam pelajaran (Muhammad Dzharil Shah Andarin & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2017). Terdapat tiga faktor utama adalah dorongan, sokongan dan motivasi yang menjadi garis panduan untuk berjaya dalam diri seseorang murid dalam menekuni sesebuah pembelajaran (Nur Syazana Abd Shukor & Mohd Nasir Masroom, 2020). Silverman dan Felder (1998) menambah dalam teorinya, bahawa gaya pembelajaran bagi seseorang murid adalah tidak sama antara satu sama lain (Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud, 2021). Gaya pembelajaran murid adalah satu proses mendapatkan ilmu dan perlu diselidiki agar kesemua perancangan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik (Che Ghani Che Kob et al., 2016). Pelbagai bentuk gaya pembelajaran telah ditekankan dalam sistem pendidikan masa kini dengan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang baik serta menjadikan suasana pembelajaran di bilik darjah lebih interaktif terutamanya dalam bidang penulisan (Ang Jit Eng James et al., 2017).

Dalam penulisan karangan, seseorang murid seharusnya dapat menggarapkan beberapa idea dalam menghasilkan sesebuah penulisan. Penulisan karangan yang baik adalah apabila seorang murid berjaya menguasai kosa kata, berfikir dan menjana





idea serta penguasaan format karangan. Salah satu kemahiran yang sulit diajarkan dan dikuasai oleh murid adalah kemahiran menulis (Lydia Jakarta & Khairul Azhar Jamaludin, 2022). Hal ini disebabkan oleh tingkat literasi yang kompleks dan proses kognitif yang intensif. Oleh sebab itu, peranan guru sangat penting dalam memperkenalkan pelbagai pendekatan, teknik, atau strategi yang berbeza untuk menciptakan lingkungan pembelajaran yang aktif dalam mengembangkan kemahiran menulis, dengan menggunakan konsep "Ceria, Bermain dan Belajar Lebih" (Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail, 2016). Dengan menerapkan pendekatan ini, sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menjadi lebih menarik, terutama dalam bidang penulisan.

Penguasaan pembelajaran bahasa Melayu yang mampan bakal melahirkan murid yang cekap untuk berkomunikasi secara lisan mahupun tulisan melalui penggunaan bahasa kebangsaan negara kita (Nora'Azian Nahar & Abd Rahman, 2018). Pengajaran mestilah merangkumi aktiviti yang menggalakkan komunikasi dua hala antara guru dan murid, bukan hanya sekadar memberi bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai tumpuan dalam kelas. Oleh itu, pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi dalam kajian ini penting untuk dikenal pasti dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Gaya pembelajaran hasil daripada didikan dan strategi pengajaran guru-guru di sekolah dapat diubah kepada gaya pembelajaran yang lebih efektif (Augustine Ngali, 2019). Justeru, setiap murid harus mencari gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri mereka (Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan, 2021). Setiap murid harus mempunyai gaya pembelajaran yang dapat membantu potensi diri. Gaya pembelajaran yang





bersesuaian dapat memberi kelebihan dalam menonjolkan prestasi diri (Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan, 2021).

1.2 Latar Belakang Kajian

Gaya pembelajaran merupakan aspek yang penting dalam memastikan objektif pengajaran dan tujuan dapat disampaikan dengan baik kepada setiap murid itu tercapai (Wei Boon Quah, 2017). Gaya pembelajaran bahasa Melayu masih memerlukan kajian yang meluas dari pelbagai aspek. Kajian berkaitan gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu adalah masih kurang diketengahkan, sama ada dari aspek yang berlainan atau skop kajian yang berbeza.



pembelajaran dan tahap motivasi murid itu sendiri. Menurut Noor Hisham Md Nawi (2011), pembelajaran merupakan satu proses penambahan ilmu pengetahuan yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti penerimaan maklumat, penguasaan konsep, dan pengaplikasian dalam kehidupan seharian serta bukan hanya menghafal ilmu tanpa mengamalkannya. Motivasi belajar menjadi batu loncatan kepada murid dengan meletakkan rasa minat yang mendalam terhadap proses pembelajaran karangan bahasa Melayu. Kesan yang baik terhadap gaya pembelajaran yang tepat terhasil melalui minat dan kesungguhan murid dalam mempelajari bahasa Melayu. Menurut Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2018), murid bukan penutur natif mempunyai gaya pembelajaran yang sangat memberangsangkan dalam mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang tinggi memberikan keputusan





yang positif kepada mereka dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan.

Motivasi adalah dorongan, sokongan, kekuatan, semangat, atau faktor psikologi yang mendorong seseorang untuk mencapai prestasi atau pencapaian sesuai dengan tujuan yang diinginkan (Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017). Salah satu cara untuk mengembangkan kemampuan dan potensi diri adalah dengan memberikan motivasi belajar kepada murid. Dalam konteks ini, motivasi dapat berupa faktor internal atau eksternal yang mempengaruhi sikap antusiasme dan keterlibatan yang berkelanjutan dalam menjalankan aktiviti atau kegiatan (Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017). Motivasi yang tinggi terhasil apabila adanya usaha yang jitu daripada guru dan juga murid di dalam kelas. Hal ini demikian kerana, apabila guru pandai menarik minat murid dengan cara efektif, maka murid turut sama akan lebih bersungguh-sungguh menuntut ilmu. Gaya pembelajaran yang baik turut memberikan impak yang positif kepada pencapaian kecemerlangan murid dalam subjek bahasa Melayu (Ainun Rahmah Iberahim et al., 2017). Berdasarkan sebuah kajian, murid dari kelompok etnik Kensiu menunjukkan sikap positif dan motivasi yang tinggi terhadap pembelajaran karangan bahasa Melayu dibandingkan dengan murid dari pelbagai latar belakang kewarganegaraan yang menunjukkan motivasi rendah dalam mempelajari bahasa Melayu (Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar, 2018).

Gaya pembelajaran dan motivasi setiap individu murid secara umumnya mempunyai perkaitannya yang tersendiri (Zaharuzzaman Sulaiman & Kamarul Azmi





Jasmi, 2018). Hal ini demikian kerana penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan diri murid dapat mempengaruhi pembelajaran bahasa murid melalui tahap motivasi yang tinggi (Dayang Julida Abang Tar & Muhd Izwan Mahmud, 2021). Murid dapat mencapai kecemerlangan diri mereka terutamanya dalam bidang akademik dan seterusnya membina kerjaya untuk masa depan dan juga dipraktikkan untuk kehidupan seharian (Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan, 2021). Proses pembelajaran yang berkesan apabila murid dapat memenuhi keperluan pengajaran guru. Hal ini bertepatan dengan perkembangan demi kemajuan dalam diri untuk menjadi pemangkin dan membina ketamadunan sesuatu kaum (Rosilawati Mohd Hanapi et al., 2017). Setiap murid yang menuntut ilmu, pastinya memerlukan gaya pembelajaran yang sesuai dalam sesi pembelajaran dan pengajaran bagi mendapatkan keputusan yang terbaik. Oleh itu, ilmu pengetahuan dapat membentuk corak atau gaya pembelajaran, seseorang murid yang mempunyai pengetahuan sebenar dalam menjadi murid yang cemerlang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Penghasilan karangan bahasa Melayu yang baik dapat dilihat dalam kalangan murid bukan penutur natif melalui minat dan sikap yang positif dari aspek kelakuan dan sikap integratif dalam pembelajaran. Menurut kajian Mohd Helmi Pangat (2017), kebanyakan murid bukan penutur natif akan memilih sikap yang positif dan baik terhadap perkara yang melibatkan orang Melayu kerana mereka gemar bergaul dengan penutur jati bahasa Melayu.

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi kepada murid bukan penutur natif agar mereka mencapai



prestasi yang cemerlang dalam karangan bahasa Melayu umumnya dan dalam penulisan karangan bahasa Melayu di peringkat menengah secara khususnya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan dan pengaruh antara gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah menengah *Mubaligh* di sekitar Kuala Lumpur.

1.3 Pernyataan Masalah

Seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu telah termaktub sebagai bahasa rasmi kebangsaan yang berperanan sebagai bahasa ilmu dan bahasa pendidikan. Murid bukan penutur natif tegar tidak mahu berbahasa Melayu dalam situasi seharian (Berita Harian, 2023). Penulis artikel berkenaan menyatakan dengan jelas bahawa murid bukan penutur natif bersikap pesimis terhadap kepentingan mereka menguasai kemahiran berbahasa. Hal ini dilihat apabila kurangnya penegasan langkah untuk meningkatkan kemahiran berbahasa yang tidak dilaksanakan dengan segera. Hal ini juga turut memberi kesan terhadap penguasaan berbahasa Melayu yang akan terjejas pada masa hadapan (Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, 2017). Perkara ini jelas menunjukkan penguasaan terhadap kemahiran bahasa ini perlu diuji kerana kebolehan murid bukan penutur natif bertutur dalam bahasa kebangsaan semakin pudar akibat pengaruh bahasa lain seperti bahasa ibunda dan bahasa Inggeris di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, murid yang menduduki peperiksaan awam di Malaysia, wajib menggunakan bahasa Melayu untuk menjawab seperti yang ternyata



dalam pelaksanaan dasar pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa murid bukan penutur natif perlu diberi perhatian dalam beberapa aspek kerana mereka akan mengalami kesukaran untuk menjawab terutamanya dalam menulis karangan bahasa Melayu yang memerlukan penjanaan idea, penggunaan kosa kata dan format karangan. Kesannya, murid-murid ini akan menemui kegagalan dalam penulisan bahasa Melayu disebabkan oleh kosa kata yang terhad serta menghalang murid untuk mengolah isi karangan dengan baik.

Terdapat murid yang masih gagal menguasai kemahiran asas menulis dan menyebabkan mereka tidak dapat menyiapkan sesuatu latihan penulisan karangan dengan baik (Kong Teck Kiong et al., 2017). Keadaan ini mengakibatkan murid tidak memahami kehendak soalan seterusnya tidak mampu menghasilkan karangan dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian oleh Alhaadi Ismail dan Norimah Zakaria (2019), murid bukan penutur natif kerap melakukan kesalahan tatabahasa khususnya dalam aspek penggunaan imbuhan semasa menulis karangan.

Selain itu, antara faktor lain yang menyumbang kepada kemerosotan kemahiran menulis dalam kalangan murid bukan penutur natif ialah pelaksanaan kaedah yang tidak pelbagai dalam kelas dalam mempelajari bahasa Melayu. Perkara ini membimbangkan apabila murid bukan penutur natif perlu memenuhi kemahiran bahasa dengan baik. Roshidah Hassan (2017) menyatakan bahawa pembelajaran murid yang mengikuti subjek bahasa Melayu dilaksanakan mengikut empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur kurang memberangsangkan terutamanya dalam penulisan. Dapatan kajiannya mendapati bahawa gaya pembelajaran yang menjadi pilihan murid bukan penutur



natif adalah auditori, berkumpulan, kinestetik dan taktil yang juga merupakan gaya pembelajaran utama bagi seseorang murid.

Penggunaan gaya pembelajaran yang tidak sesuai kepada murid boleh mengakibatkan mereka gagal mencapai keputusan yang cemerlang (Ismail Sualman, 2019). Selain itu, gaya pembelajaran yang tidak sesuai, boleh menyebabkan konflik bagi murid tersebut dalam mempelajari sesuatu (Zaharuzzaman Sulaiman & Kamarul Azmi Jasmi, 2018) yang boleh menyebabkan berlakunya kemerosotan pencapaian akademik. Kebanyakannya berpunca daripada masalah cara dan amalan pembelajaran murid yang kurang tepat dan sesuai. Kenyataan ini disokong Mohammad Arif Johari dan Sa'odah Ahmad (2019) yang mendapati penurunan prestasi akademik adalah berpunca kegagalan menyesuaikan diri terhadap situasi pengajaran dan pembelajaran di samping

Murid bukan penutur natif yang berada di sekolah menengah juga agak keliru dalam mengaplikasikan gaya pembelajaran yang bertepatan dengan diri masing-masing (Mohammad Syawal Narawi et al., 2021). Rentetan itu, pendidikan pada masa kini jelas menunjukkan penggunaan teknologi maklumat masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan. Hal ini merosotkan pencapaian mata pelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Menengah Kebangsaan (Savitry Chelliah & Norasmah Othman, 2022). Kajian ini menunjukkan peperiksaan sesi pertama setiap tahun menunjukkan tahap pencapaian murid masih berada di tahap sederhana.

Motivasi juga elemen yang penting untuk mencapai sesuatu matlamat. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa Melayu dan secara khususnya dalam penulisan karangan bahasa Melayu, murid perlu mempunyai motivasi yang tinggi untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Oleh hal yang demikian, kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif berkait rapat dengan motivasi murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Motivasi ialah usaha yang disadari oleh mental untuk menggerakkan, mengarahkan dan menjaga tingkah laku seseorang murid supaya terdorong untuk bertindak melakukan sesuatu sehingga mencapai hasil atau tujuan. Menurut Khairul Nizam Mohamed Zuki & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017), murid Bajau mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kebanyakan murid Bajau yakin bahawa penguasaan yang baik terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dapat membimbing dan membantu mereka untuk menguasai mata pelajaran yang lain dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin dan Sharil Nizam Sha'ri (2018) mendapati bahawa murid Cina kurang bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Oleh itu, gaya pembelajaran dan motivasi murid dalam pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu mempunyai perkaitan dalam meningkatkan potensi diri seseorang murid terutamanya murid bukan penutur natif. Berdasarkan kesemua pernyataan masalah kajian di atas, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian dengan mengkaji hubungan dan pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi murid terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di sekolah menengah *Mubaligh* sekitar Kuala Lumpur.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap gaya pembelajaran dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu.
2. Mengenal pasti tahap motivasi dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu.
3. Menentukan hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif.
4. Menganalisis pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi murid terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah berdasarkan objektif yang digariskan seperti berikut:

1. Apakah tahap gaya pembelajaran dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu?
2. Apakah tahap motivasi murid dalam kalangan murid bukan penutur natif terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu?
3. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif?

4. Adakah terdapat pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi murid terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis nol ialah andaian bahawa "tiada hubungan" antara masalah (akibat) dan sebab (sebab) fenomena, atau bahawa tidak ada hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan bebas (Fuad Mohamed Berawi, 2017). Berikut merupakan hipotesis kajian yang dibentuk bagi mencapai objektif ketiga dan keempat kajian ini:

HO₁ : Tiada hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran visual dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

HO₂ : Tiada hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran auditori dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

HO₃ : Tiada hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran kinestetik dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

HO₄ : Tiada hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik murid dan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

HO₅ : Tiada hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik murid dan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

HO₆ : Tiada pengaruh yang signifikan antara gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Seorang pengkaji memerlukan kerangka konseptual yang akan menjadi panduan dan arah dalam melaksanakan kajian. Kerangka konseptual ini perlu dibina berdasarkan soalan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Dalam kajian ini, fokus penyelidik adalah kepada beberapa aspek yang menjadi pemboleh ubah dan hubungan serta pengaruh di antara pemboleh ubah tersebut dianalisis dan disusun secara menyeluruh dalam rangka konseptual kajian ini (Othman Talib, 2013).


Hubungan gaya pembelajaran dan motivasi dalam konteks pembelajaran secara am adalah penting dan dilihat sebagai tunjang utama dalam fokus kajian dengan beberapa faktor yang dikaji yang boleh mempengaruhi sesi pembelajaran dan pengajaran khususnya dalam topik karangan bahasa Melayu. Richard dan Grinder (1975) mengklasifikasikan gaya pembelajaran kepada tiga jenis, iaitu visual, auditori, dan kinestetik. Murid yang memiliki gaya pembelajaran visual cenderung menggunakan indera penglihatan dalam pembelajaran. Sementara itu, murid yang memiliki gaya pembelajaran auditori lebih tertarik menggunakan indera pendengaran dalam proses pembelajaran. Murid yang memiliki gaya pembelajaran kinestetik adalah mereka yang lebih suka belajar melalui pengalaman pergerakan fizikal mereka.



Dalam kajian ini, tujuan pengkaji adalah untuk mengidentifikasi elemen-elemen dalam gaya pembelajaran dan motivasi murid yang mempengaruhi pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Kajian ini difokuskan pada gaya pembelajaran mengikut Model Fleming VAK (1992), iaitu visual, auditori dan kinestetik. Pendekatan ini mempertimbangkan perbezaan gaya pembelajaran individu dalam mempelajari penulisan karangan bahasa Melayu. Kajian ini juga mengaplikasikan Model Motivasi Ryan dan Deci (2009) yang terbahagi kepada dua kategori iaitu motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik. Motivasi ekstrinsik merupakan motivasi luaran yang digunakan apabila individu itu melakukan sesuatu aktiviti untuk mencapai hasil yang berbeza. Manakala, motivasi intrinsik dirujuk sebagai motivasi dalaman. Motivasi merupakan proses perubahan tenaga kepada tingkahlaku individu demi mencapai sesuatu matlamat. Dalam erti kata lain, motivasi melibatkan hala tuju yang diambil oleh individu demi mencapai sesuatu keperluan.

Kerangka konseptual yang dibina dalam Rajah 1.1 memberikan gambaran tentang hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif dengan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Dalam kerangka konseptual ini, pemboleh ubah tidak bersandar merujuk kepada gaya pembelajaran dan motivasi, sementara pemboleh ubah bersandar merujuk kepada pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Dibina dan Diadaptasi daripada Model Gaya Pembelajaran Fleming VAK (1992) dan Model Motivasi Ryan & Deci (2009)

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional ditakrifkan sebagai penerangan secara mendalam tentang maksud konsep bagi sesuatu pemboleh ubah kajian yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, motivasi, kemahiran menulis, penulisan karangan dan murid bukan penutur natif. Definisi operasional kajian ini diadaptasi dan diambil terus mengikut keperluan dan

tujuan kajian. Istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini didefinisikan seperti berikut:

1.8.1 Gaya Pembelajaran

Dalam konsep gaya pembelajaran yang diperkenalkan oleh Dunn dan Dunn (1978), ia merujuk kepada cara individu mengarahkan perhatiannya dalam memahami dan mengingat maklumat atau kemahiran baru. Terdapat lima rangsangan yang mempengaruhi gaya pembelajaran ini iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi, dan psikologi. Kesemua faktor ini memiliki pengaruh terhadap keupayaan individu dalam memahami, berinteraksi, dan memberikan respons terhadap persekitaran dalam proses pembelajaran.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2013), gaya pembelajaran merujuk kepada cara pembelajarannya dalam menelaah dan menekuni ilmu. Dalam konteks pendidikan psikologi, gaya pembelajaran ialah teknik yang memberikan tumpuan dan tindakan seseorang murid dalam memproses maklumat untuk membentuk konsep dan prinsip. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan pada tahap gaya pembelajaran utama seperti visual, auditori dan kinestetik telah didominasi oleh murid di beberapa buah sekolah menengah *Mubaligh* di kawasan sekitar Kuala Lumpur dalam mempelajari karangan bahasa Melayu. Merujuk kepada tujuan ini, definisi operasional gaya pembelajaran untuk kajian ini adalah berdasarkan tiga komponen asas bagi Model Gaya Pembelajaran Fleming (VAK) iaitu visual, auditori dan kinestetik yang digunakan oleh murid untuk belajar.

1. Murid visual cenderung menggunakan ilustrasi atau gambar,
2. Murid auditori cenderung belajar dengan mendengar penjelasan atau perbualan orang lain.
3. Murid kinestetik cenderung kepada perkara praktikal yang melibatkan pergerakan tubuh badan (Wei Boon Quah, 2017).

1.8.2 Motivasi

Motivasi membawa maksud arah dan kekuatan daya usaha seseorang individu berusaha dalam menjauhi atau mendekati sesuatu situasi (Dweck & Leggett, 1988). Selain itu, motivasi juga boleh didefinisikan sebagai keinginan seseorang mendapatkan sesuatu dengan utuh dengan semangat diri yang tinggi (Dewan Bahasa & Pustaka, 2005). Oleh yang demikian, bagi mencapai kejayaan seseorang individu tersebut adalah sewajarnya bagi seseorang individu untuk menggunakan motivasi sebagai pemangkin diri untuk lebih berjaya dan merealisasikan kejayaan tersebut. Hal ini demikian kerana, motivasi yang tinggi mampu memberi keinginan seseorang individu dalam memastikan cita-cita boleh dicapai sebaiknya. Seseorang murid tanpa motivasi pasti akan hilang arah tuju dan fokus mereka. Maka murid boleh membina motivasi yang jitu dalam diri terutamanya dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif serta hubungan dan pengaruh dalam mempelajari karangan bahasa Melayu.

1.8.2.1 Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik merujuk kepada motivasi dalaman yang muncul setelah keperluan fisiologi dan psikologi dipenuhi (Rasidah Rashid, 2007). Motivasi merupakan sifat semula jadi individu dalam mengatasi rintangan untuk mencapai apa-apa yang diinginkan. Terdapat beberapa faktor dalaman yang berkaitan dengan jenis motivasi ini, seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan diri, dan lain-lain. Sebagai contoh, apabila seorang murid mempunyai motivasi intrinsik untuk melakukan sesuatu, dia tidak memerlukan insentif atau hukuman untuk melakukannya kerana aktiviti tersebut telah memberikan kepuasan dan memenuhi keperluan dalaman murid tersebut. Beberapa perilaku dilakukan kerana individu tersebut mendapatkan kepuasan dalaman atau motivasi intrinsik (Farah Wazera Mohamed Jaafer Sadiq & Mohammad Mujaheed Hassan, 2021). Dalam konteks kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti tahap motivasi intrinsik yang ada dalam diri murid dan cara motivasi tersebut mempengaruhi kemahuan mereka untuk mempelajari karangan bahasa Melayu dengan lebih mudah. Definisi yang telah diberikan membantu pengkaji untuk mengenal pasti motivasi intrinsik seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan diri, dan motivasi dalaman yang mempengaruhi keinginan murid bukan penutur natif dalam meningkatkan pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu mereka.

1.8.2.2 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi Ekstrinsik adalah dorongan untuk bertindak yang berasal dari faktor luaran individu (Rasidah Rashid, 2007). Jenis motivasi ini bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, menarik perhatian



guru atau rakan sebaya, dan alasan lain yang berkaitan dengan kepuasan diri jangka pendek. Motivasi ekstrinsik wujud semata-mata karena keinginan untuk pengakuan dan persetujuan melalui pujian dan ganjaran (Mohammad Shatar Sabran, 2005). Oleh karena itu, dalam kajian ini, pengkaji juga akan menggunakan motivasi ekstrinsik untuk memahami pengaruh motivasi luaran terhadap pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di beberapa sekolah menengah *Mubaligh* di sekitar Kuala Lumpur. Dalam konteks ini, penggunaan motivasi ekstrinsik melalui pujian atau pengakuan serta sokongan daripada guru-guru dan rakan-rakan akan dipertimbangkan.

Dalam kajian ini motivasi dibahagikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik adalah motivasi yang berpunca dari dalam diri seseorang murid. Manakala motivasi ekstrinsik adalah berkait rapat dengan aspek pengukuhan yang diperolehi daripada sumber atau pengaruh luar seperti penghargaan, pujian dan ganjaran bagi mendorong seseorang mencapai apa-apa yang diingini. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan item yang diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen soal selidik kajian Rasidah Rashid (2007).

1.8.3 Kemahiran Menulis

Pendedahan penggunaan bahan pengajaran melalui aktiviti penulisan dalam kalangan murid dapat membantu memperkembangkan daya kreativiti murid dalam menjana isi karangan. Faktor ini penting kerana kemahiran menulis merupakan sesuatu yang sukar untuk diajarkan dan dikuasai oleh murid (Lydia Jakarta dan Khairul Azhar Jamaludin,



2022), disebabkan penulisan melibatkan tahap literasi yang kompleks dan memerlukan proses kognitif yang tinggi.

Dalam konteks kajian ini, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang diukur dalam menguji hubungan dan pengaruh gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. Disebabkan oleh itu, pengkaji telah memilih gaya pembelajaran yang melibatkan penggunaan karangan bahasa Melayu bagi mengenal pasti kesan pengaruh gaya pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini terhadap penguasaan bahasa Melayu murid bukan penutur natif.

1.8.4 Penulisan Karangan

Penguasaan teknik dan strategi kemahiran menulis dalam karangan murid tidak terhad dalam pendidikan formal, bahkan pendidikan tidak formal juga membantu memperkembangkan daya kreativiti murid dalam pengolahan ayat semasa menulis karangan (Yahaya Othman & Dk Suzanawaty Pg Osman, 2016). Penulisan karangan mempunyai elemen-elemen aras soalan tertentu dalam mengenal pasti kesediaan guru dalam pelaksanaan aras soalan tinggi dan penerokaan gaya pengajaran guru dalam meningkatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya dalam penulisan karangan bahasa Melayu (Maziyah Mohammad, 2018). Oleh itu, pengkaji telah menggunakan penulisan karangan sebagai alat dalam kajian ini bagi mengenal pasti hubungan dan pengaruh gaya pembelajaran serta motivasi terhadap pencapaian penulisan bahasa Melayu dalam kalangan murid penutur bukan natif.

1.8.5 Murid Bukan Penutur Natif

Asmah Hj. Omar (1987) menyatakan bahawa negara yang memiliki kepelbagaian bangsa, memiliki bahasa ibunda dan bahasa kedua yang berbeza. Sebagai contoh, Malaysia terdiri daripada bangsa yang berbilang kaum. Bangsa Cina terdiri daripada beberapa cabang seperti Hokkien, Teochew, Kantonis, Hakka, dan Hainan yang menggunakan dialek bahasa Cina sebagai bahasa ibu dan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Murid-murid ini termasuk dalam kategori murid bukan Melayu atau bukan penutur asli Melayu. Mereka adalah golongan yang menggunakan bahasa selain bahasa ibunda sebagai bahasa kedua, atau lebih tepatnya sebagai bahasa kedua (Chew Fong Peng, 2016). Dalam konteks kajian ini, murid bukan penutur natif merujuk kepada murid dari pelbagai kaum seperti Cina, India, dan kaum lain yang belajar di sekolah menengah *Mubaligh* di sekitar Kuala Lumpur dan berada di tingkatan 1. Hal ini bermakna murid bukan penutur natif bahasa Melayu akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam pembelajaran.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini mempunyai beberapa skop yang membatasi hasil dapatan. Antara batasan kajian adalah seperti berikut:

1. Analisis kajian ini berbentuk analisis deskriptif yang bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang dominan dan menilai tahap motivasi dalam kalangan murid bukan penutur natif. Untuk analisis

inferensi, digunakan analisis korelasi *Pearson* untuk menganalisis hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian dalam penulisan karangan bahasa Melayu bagi murid bukan penutur natif. Selain itu, analisis regresi berganda digunakan untuk menganalisis pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

2. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran dan motivasi dalam pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. Sampel kajian terdiri daripada 320 orang murid bukan penutur natif yang berada di Tingkatan 1 di sekolah menengah *Mubaligh* di kawasan sekitar Kuala Lumpur. Pemilihan sampel ini berdasarkan keterlibatan mereka secara langsung dalam aktiviti pembelajaran karangan bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, mereka merupakan individu yang masih dalam proses pembelajaran dan merupakan calon yang sesuai sebagai murid bukan penutur natif.
3. Kajian ini hanya terhad kepada semua soalan yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian Rasidah Rashid (2007) dan soal selidik kajian Siti Zulaika Nawawi (2022). Instrumen kajian telah diubah suai untuk sesuai dengan tajuk kajian, aras responden, dan telah mendapat pengesahan daripada dua orang pakar bahasa untuk kesahan bahasa dan kesahan kandungan.



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan pemahaman tentang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan semua pihak, termasuk guru dan murid. Hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran penulisan bahasa Melayu juga dianalisis melalui kajian ini. Kajian ini mempunyai kepentingan yang penting dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif dalam pembelajaran karangan bahasa Melayu. Hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan sebagai panduan dan sumber inspirasi untuk semua pihak dalam memastikan penyediaan pendidikan berkualiti yang sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, kepentingan kajian ini dihuraikan di bawah:



(a) Memberi Gambaran Menyeluruh tentang Gaya Pembelajaran dan Motivasi Murid Bukan Penutur Natif

Kajian ini akan memberikan gambaran umum berkaitan gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif terhadap pencapaian karangan bahasa Melayu kepada pembaca. Informasi yang bermanfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya berkaitan tahap motivasi dan gaya pembelajaran murid bukan penutur natif dalam pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu memudahkan lagi pihak atasan untuk membuat kajian lanjut. Maklumat tersebut juga boleh digunakan sebagai panduan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran murid bukan penutur natif dan juga guru yang mengajar subjek bahasa Melayu di sekolah. Selain itu, kajian ini dapat menyediakan input yang berguna bagi keperluan pihak berwajib dalam memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program-program



kurikulum di sekolah. Pihak membuat dasar seperti KPM boleh merancang program-program yang sesuai bagi meningkatkan kualiti pembelajaran karangan bahasa Melayu murid bukan penutur natif di sekolah.

(b) Menyediakan Rujukan Sahih Berdasarkan Data Kutipan

Kajian ini juga dapat menyediakan maklumat yang boleh digunakan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, khususnya berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid di Kuala Lumpur. Program seperti bengkel, latihan, kursus, seminar dan sebagainya berkaitan gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif boleh dilaksanakan sebagai usaha memantapkan pengetahuan mengenai bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah.

Gaya pembelajaran dan motivasi yang berkesan telah terbukti sebagai penyumbang utama kepada pencapaian murid, merangsang proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, serta membentuk kepimpinan guru dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mereka (Masitah Mohammad Yusof & Mohamed Khaidir Alias, 2015). Sehubungan itu, input daripada kajian ini juga boleh membantu pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memantau, merencana sekaligus meningkatkan perancangan program-program bahasa Melayu. Pihak PPD juga dapat memberi maklum balas kepada sekolah-sekolah sebagai garis panduan dalam memantau pengurusan dan pengajaran guru di sekolah di samping untuk memantapkan lagi gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif dalam pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu.



(c) Merungkai Permasalahan Berkaitan Gaya Pembelajaran dan Motivasi

Dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak pengurusan sekolah seperti pengetua atau guru besar, dalam merungkai permasalahan tentang gaya pembelajaran dan motivasi murid bukan penutur natif. Hasil kajian dilihat dapat membantu pihak pengurusan menambah baik sistem pelajaran dengan menambah baik waktu pembelajaran agar mereka dapat memberikan fokus kepada sesi pembelajaran karangan bahasa Melayu dengan lebih tepat. Dapatan kajian ini boleh menjadi panduan kepada pihak sekolah untuk mempertimbangkan gaya pembelajaran yang lebih efektif. Murid bukan penutur natif yang mempelajari bahasa Melayu sekurang-kurangnya dapat menggunakan bahasa Melayu di dalam tutur kata dengan baik sekali.

Hasil penemuan kajian ini turut dapat membantu semua murid terutamanya bagi murid bukan penutur natif untuk membezakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan mereka khususnya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Apabila mereka dapat membezakan gaya pembelajaran yang sesuai, maka perkara tersebut akan menjadi panduan untuk belajar melebihi jangkaan sebelum ini seterusnya mendapat kecemerlangan dalam subjek bahasa Melayu. Kesan selepas kajian ini juga boleh membantu murid mengembangkan lagi potensi pembelajaran mereka dengan motivasi yang sesuai. Motivasi yang rendah dahulunya dapat ditingkatkan semula dengan cara dan kaedah yang sesuai. Perkara ini amat penting memandangkan gaya pembelajaran yang betul dan motivasi yang hebat dapat menjadi proses pembelajaran seseorang menjadi lebih menarik. Gabungan perkara ini akan mengembangkan prestasi murid dalam akademik mereka.

1.11 Rumusan

Bab ini membahaskan berkaitan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Ilustrasi kerangka konsep yang dihasilkan di dalam kajian akan membantu pengkaji supaya tidak terkeluar daripada landasan kajian yang dijalankan. Perbincangan dalam bab ini memberikan gambaran yang jelas tentang elemen-elemen utama kajian dan menjelaskan penggunaan istilah-istilah kajian untuk memudahkan pemahaman pembaca.